

MAHATHIR - ISLAM
(I)

1984

KUALALUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN KEPERLUAN PENDEKATAN SEDERHANA YANG SEIMBANG TERHADAP ISLAM BAGI MEMBOLEHKAN TAMADUN ISLAM MENCAPAI MATLAMAT DAN KEMAJUAN.

+SEDIKIT SEBANYAK KRITIKAN DIRI A D A L A H PERLU,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR ANTARABANGSA KETIGA MENGENAI PEMIKIRAN ISLAM DI PUSAT PEMBANGUNAN ASIA-PASIFIK (APDC), DISINI.
+KITA UMAT ISLAM MESTI JUJUR TERHADAP DIRI SENDIRI. KITA PERLU MEMPUNYAI PENDEKASAN YANG SEIMBANG TERHADAP DUNIA INI DAN AKHIRAT,+ KATANYA;

DATUK SERI DR. MAHATHIR, BERKATA MEMANDANGKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM DEKAD-DEKAD KEBELAKANGAN INI ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA ALAM KETIKA ISLAM HULA-MULA BERTAPAK:

+KITAPATUT MENYUSUN SEMULA KEHIDUPAN POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI KITA DALAM CARA YANG MENYATUKAN SEPENUHNYA PERINTAH-PERINTAH ISLAM BAGI MEMASTIKAN KEWUJUDAN UMMAH YANG SIHAT, TEGAS BERPOLITIK DAN CEKAP DALAM BIDANG EKONOMI, YANG MAMPU MENGHADAPI SEMUA BENTUK CABARAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI
1230MST 26 07 84

D674

R B746 DEB

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR
(I)

... PERDANA MENTERI BERKATA PERINTAH-PERINTAH ISLAM PERLU DIAMALKAN DENGAN SENANG HATI, DAN KESAN-KESANNYA DIJELASKAN DENGAN TEGAS, SEBELUM IA DILAKSANAKAN DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN EKONOMI NEGARA-NEGARA ISLAM.

BELIAU MENYENTUH KEPERLUAN USAHA-USAHA INTELEKTUAL DAN BERIMAGINASI MELIBATKAN PENGKAJIAN MENDALAM TERHADAP MATLAMAT-MATLAMAT DAN SKOP PERINTAH-PERINTAH ITU DAN MENJELASKAN BAHAWA+UNTUK NENGUNDUR DAN MENARIK DIRI DARI MASYARAKAT MODEN BERMAKNA MENAFIKAN BAHAWA ISLAM IALAH UNTUK SEPANJANG MASA.+

KATANYA JIKA UMAT ISLAM GAGAL MELAKSANAKAN PERINTAH-PERINTAH YANG BERKAITAN DENGAN KENYATAAN HIDUP, MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT MERENCANAKAN SESUATU UNTUK MASA DEPAN.

+INILAH PUNCANYA MALAPETAKA YANG MENIMPA UMAT ISLAM HARI INI,+ KATANYA SAMPIL MENAMBAH BAHAWA UMAT ISLAM BUKAN SAHAJA GAGAL MEMPERTAHKAN ISLAM TETAPI SEDIKIT SEBANYAK GAGAL MENGHARGAI KEDUDUKAN UNXVERSALNYA.

+KITA, UMAT ISLAM, PERLU MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA UNTUK KEKAL DALAM KEADAAN YANG TEGANG, HIDUP ANTARA ZAMAN SILAM DAN HANYA SEKALI-SEKALA TIMBUL DALAM KEHIDUPAN SEKARANG, ATAU SAMA ADA KITA MEMILIH UNTUK MASA DEPAN ISLAM, DENGAN MENGUBAHKAN ARAH HALUAN KITA KE JALAN ISLAM YANG SEBENAR,+ KATANYA.

-- LAGS

MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

+JANGAN LUPA BAHAWA ISLAM, KETIKA DITURUNKAN, MERUPAKAN KUASA MODERNISASI YANG MEMBAWA KEBESARAN KEPADA PARA PENGANUTNYA YANG AWAL= KEHEBATAN DALAM BIDANG EKONOMI, INDUSTRI, SAINS, SENI DAN KEGAGAHAN KETENTERAAN, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM KINI MENGHADAPI KESENGSARAAN SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK, SEDANGKAN RAMAIDARI MEREKA YANG MENGAMALKAN PERASAAN KESELAMATAN YANG ANEH - MEMBACA AL-QURAN AKAN MEMBERI +THAWAB+(RAHMAT) WALAUPUN MEREKA TIDAK FAHAM ATAU MENGAMALKAN AJARANNYA, KELUAR BERTABLIGH AKAN MENJAMINKAN TEMPAT DISYURGA, MENULIS COGAN-COGAN KATA ATAU RISALAH AKAN MENDAPATKAN SOKONGAN UNTUK ISLAM.

+KITA PERLU MEMPASTIKAN BAHAWA ISLAM MENGANDUNGI JAWAPAN KEPADA KEPERLUAN-KEPERLUAN SEMASA DAN YANG BERKAITAN DENGAN MANUSIA MODEN, + KATANYA.

MEMAHAMI ISLAM TIDAK SAHAJA BERMAKNA BERKEUPAYAAN MENERANGKAN TENTANG SESUATU HADIS, ATAU MENGGARISKAN CARA-CARA UNTUK SESUATU UPACARA ATAU MELAFAZKAN AYAT-AYAT QURAN TETAPI JUGA KEUPAYAAN UNTUK MENJELAS DAN MENGAMALKAN KONSEP-KONSEPNYA YANG DINAMIK DAN BERGETAR DALAM MASYARAKAT SEZAMAN.

KATANYA DUA CABARAN BESAR YANG DIHADAPI OLEH UMAT ISLAM IALAH UNTUK MEWUJUDKAN SEMULA TAMADUN KEHIDUPAN ISLAM YANG PADA SATU KETIKA BEGITU MAJU DAN DINAMIK, DAN UNTUK MEMBUAT SUMBANGAN POSITIF KEPADA KEADAAN BAHAYA YANG DIHADAPI OLEH MANUSIA. -- LAGI

1355MST 26 07 84

MAHATHIR - ISLAM 4 KUALA LUMPUR

(1)

PERDANA MENTERI BERKATA ARAH ALIRAN SEKARANG MENUNJUKKAN BAHAWA MASYARAKAT ISLAM SEDANG MENUJU MASA DEPAN YANG TIDAK BERTENTUAN.

+MELAINKAN SESUATU DIBUAT SEKARANG, ARAH ALIRAN INI AKAN BERTERUSAN, MELETAKKAN UMAT ISLAM DALAM BAHAYA DIPISAHKAN DARI KEPERCAYAAN MEREKA, + KATANYA.

UMAT ISLAM TIDAK BOLEH TERUS TIDAK AKTIF SEPERTI SEBUAH TASIK YANG BERTAHAN - PENUH DENGAN SUMBER-SUMBER YANG BERPOTENSI TETAPI TERCEMAR. KATANYA.

SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA TIDAK ADA JALAN KELUAR BAGI MERENCANAKAN MASA DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU PERANCANGAN YANG PRAKTIK UNTUK PELAKSANAAN SISTEM ISLAM PERLU DIRUMUSKAN DENGAN MENGAMBIL KIRA KENYATAAN-KENYATAAN POLITIK DUNIA HARI INI.

BAGAIMANAPUN, PERANCANGAN DI NEGARA-NEGARA ISLAM HENDAKLAH LEBIH DARIPADA UNJURAN BAGI MASA DEPAN TERHADAP ARAH ALIRAN YANG KETARA SEKARANG.

+KITA PERLU MEMBUAT ANALISIS KESAN MENYELURUH ANTARA KEUTAMAAN-KEUTAMAAN, DASAR-DASAR DAN PERANCANGAN SERTA BERBAGAI KRITERIA DAN SEMPADAN PEMIKIRAN ISLAM, + KATANYA.

BELIAU MENGGESA SEMINAR ITU SUPAYA MERANCANGKAN REFORMASI DAN MENGGEGAAKKAN PEMIKIRAN ISLAM KE DEPAN DALAM PERKARA-PERKARA TERTENTU DENGAN DIPERTIMBANGKAN KEUTAMAAN-KEUTAMAAN SEBAGAI SATU LANGKAH MENCAPI MASA DEPAN YANG DIRENCANAKAN ITU. -- LAGI

MAHATHIR - ISLAM 5 KUALA LUMPUR

(1)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM PERKEHIBANGAN DAN KEFAHAMAN ISLAM DALAM MENYESUAIKANNYA DENGAN PERUBAHAN, UMAT ISLAM MEMERLUKAN BEBERAPA ALAT INTELEKTUAL TERMASUK BIASISWA DAN BUKU-BUKU TEKS UNTUK UNIVERSITI DALAM SETIAP DISIPLIN YANG AKAN MEMBOLEHKAN GENERASI MUDA ISLAM YANG BERPELJARAN MENYOAL PENDEKATAN-PENDEKATAN SEKARANG.

KATANYA TUJUAN INSTITUT ANTARABANGSA BAGI PEMIKIRAN ISLAM UNTUK MENGELUARKAN BUKU-BUKU TEKS DALAM SEMUA DISIPLIN PATUT DIBERI SOKONGAN.

SERAMAI 90 ORANG PESERTA DARI 14 NEGARA -- MALAYSIA, PERANCIS, AMERIKA SYARIKAT, IRAN, PAKISTAN, ARAB SAUDI, JORDAN, MESIR, INDIA, KANADA, FILIPINA, SYRIA, KUWAIT DAN BRUNEI MENGHADIRI SEMINAR ANJURAN INSTITUT TERSEBUT DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAM.

SEBANYAK 23 KERTAS KERJA AKAN DIBINCANGKAN DALAM SEMINAR ENAM HARI ITU.

-- BERNAMA